

ANALISIS KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM KURIKULUM PENGURUSAN DIRI KSSR SEMAKAN 2017 TAHUN SATU

(Analysis of Teaching Methods and Learning in KSSR Self-Management Curriculum 2017 Revision Year One)

*Zul Izuddin Suhaimi¹, Kama Shaffeei¹

Submitted: 07-Apr-2023
Accepted: 07-Apr-2023
Revised: 18-Jun-2023
Published: 23-Jun-2023

¹Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

*Corresponding author's email:
p20191000566@siswa.upsi.edu.my

Abstrak

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk menilai semula pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Pengurusan Diri di dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu melibatkan 273 guru pendidikan khas yang mengajar mata pelajaran pengurusan diri tahun satu di sekitar negeri Johor. Data kajian di kumpul melalui soal selidik yang diberikan selepas mengadakan pertemuan dengan guru-guru pendidikan khas. Data tersebut dianalisis bagi memperoleh maklumat tentang amalan pengajaran mata pelajaran pengurusan diri di kelas PPKI serta komponen-komponen pengajaran dan pembelajaran yang diperlukan untuk membangunkan Instrumen Pengurusan Diri. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah pengajaran konvensional yang diamalkan oleh kebanyakan guru gagal menarik minat murid PPKI dalam proses untuk memahami sukatan pembelajaran. Kesimpulannya, guru memerlukan bahan bantuan mengajar yang fleksibel dengan perkembangan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) untuk lebih memahami komponen yang terdapat di dalam kurikulum pengurusan diri. Elemen-elemen pengajaran yang perlu dimasukkan ke dalam Instrumen Pengurusan Diri melibatkan aktiviti bergambar, urutan dan skema penilaian yang autentik. Implikasinya Instrumen Pengurusan Diri wajar dibangunkan untuk menilai tahap pengetahuan MBPK dalam mata pelajaran pengurusan diri.

Kata kunci: Kemahiran Pengurusan Diri, Instrumen, Pengajaran dan Pembelajaran, Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK).

Abstract

This study aims to re-evaluate the teaching and learning of Self-Management Skills in the Special Education Program for Integration (PPKI). This study uses a quantitative method involving 273 special education teachers who teach first year self-management subjects around the state of Johor. Research data was collected through a questionnaire given after holding a meeting with special education teachers. The data was analyzed to obtain information about the teaching practice of self-management subjects in PPKI classes as well as the teaching and learning components required to develop a Self-Management Instrument. The findings of the study show that the conventional teaching methods practiced by most teachers fail to interest PPKI students in the process of understanding the measurement of learning. In conclusion, teachers need teaching aids that are flexible with the development of Students with Special Educational Needs (SEN) to better understand the components found in the self-management curriculum. The teaching elements that need to be included in the Self-Management Instrument involve pictorial activities, sequences and authentic assessment schemes. The implication is that a Self-Management Instrument should be developed to assess MBPK's level of knowledge in self-management subjects.

Keywords: *Self-Management Skills, Instruments, Teaching and Learning, Student with Special Educational Needs (MBPK)*

1.0 PENGENALAN

Mata pelajaran pengurusan diri merupakan mata pelajaran wajib bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) yang mengikuti Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di sekolah-sekolah kerajaan di Malaysia. Penerapan utama mata pelajaran ini ke atas MBPK bertujuan untuk menguruskan dirinya sendiri tanpa bantuan daripada orang lain dalam kehidupan sehariannya (Mahfuzah, 2016). Kurikulum terkini yang digunakan di sekolah adalah Kurikulum Semakan 2017 iaitu kurikulum yang telah ditambah baik untuk kegunaan MBPK dan aras pembelajarannya telah dinaikan. Perubahan demi perubahan di dalam kurikulum dilaksanakan di negara kita demi kemajuan serta kemenjadian murid kepada lebih baik. Kurikulum yang diguna pakai di sekolah ketika ini adalah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan 2017 yang ditambah baik dari segi elemen dan komponen pembelajarannya daripada kurikulum lepas. Hal ini sedikit sebanyak akan memberikan kesan terhadap hasil pembelajaran MBPK sama ada positif mahupun negatif kerana perubahan yang berlaku memerlukan kepakaran guru untuk memahami kandungan kurikulum sebelum membuat persediaan untuk mengajar.

Pelaksanaan bagi proses pengukuran dan penilaian yang biasa dilakukan oleh guru-guru di sekolah adalah dengan menggunakan senarai semak sebagai instrumen penilaian bagi mengesan tahap serta kebolehan seseorang MBPK samada boleh menguasai atau tidak menguasai bagi setiap kemahiran yang di ajar. Kaedah ini seharusnya perlu digantikan dengan penilaian berbentuk ujian iaitu dengan menggunakan instrumen penilaian yang menyeluruh bagi setiap komponen pembelajaran yang terkandung di dalam kurikulum semakan 2017. Oleh itu, dengan adanya instrumen berbentuk ujian ini guru-guru PPKI khusus akan lebih mudah untuk mengesan tahap kebolehan MBPK serta dapat membantu mereka untuk menguasai sesuatu kemahiran dengan lebih baik. Antara kelebihan instrumen berbentuk ujian ini adalah dapat membantu guru-guru PPKI mengubah corak pengajaran mereka daripada tradisional kepada kaedah pengajaran yang lebih sistematik dan terancang dengan bantuan daripada gambar-gambar yang menarik untuk dijadikan sebagai lembaran kerja buat MBPK. Selain itu, guru-guru juga boleh membantu MBPK dengan menerangkan bagi setiap langkah-langkah yang melibatkan amali kerana terdapatnya gambar dan perlakuan yang boleh diikuti oleh MBPK sewaktu proses pembelajaran berlangsung.

Berdasarkan cadangan penyelidikan tersebut usaha untuk memperkenalkan instrumen pengurusan diri ini perlu dilaksanakan dengan segera agar agenda pendidikan negara dapat di capai. Cadangan ini memerlukan komitmen guru-guru di sekolah khususnya dalam memperkasakan kemahiran MBPK supaya dapat melahirkan murid yang boleh menguruskan dirinya sendiri. Dalam memenuhi hasrat ini, guru-guru perlu memahami matlamat dan objektif mata pelajaran pengurusan diri yang menjadi asas kepada proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam mendidik murid bermasalah pembelajaran di kelas pendidikan khas. Menurut Osman dan Sarbini (2010), pula menyatakan bahawa pengajaran yang melibatkan pengurusan diri haruslah mencapai objektif dan matlamat seperti dihasratkan kerana mata pelajaran ini sangat memainkan peranan yang penting dalam membantu murid berkeperluan khas untuk menguruskan kehidupan sehariannya. Menurut Ruslan (2009) Pengurusan diri juga bertujuan dalam memastikan peranan pendidik sebagai agen perubahan dalam melahirkan murid yang seimbang dari segi rohani, jasmani,

emosi dan intelek serta menanam sikap dan nilai yang baik ke dalam diri murid MBPK agar mampu berdikari sendiri tanpa bantuan daripada orang lain.

2.0 PENYATAAN MASALAH

Kajian berkaitan mata pelajaran pengurusan diri di dalam dan di luar negara sangat jelas perbedaannya, terutama dalam penerapan kemahiran terhadap murid-murid di sekolah rendah. Pembangunan instrumen sebagai bahan bantu mengajar dan sumber rujukan buat MBPK dilihat sangat praktikal dalam memenuhi ruang kekosongan bahan sedia ada di sekolah. Berdasarkan KSSR Semakan 2017 juga ada menyarankan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran berpusatkan murid amat perlu agar pembelajaran lebih bermakna. Fitri (2014) dalam kajiannya mendapati masih ramai guru-guru di sekolah menggunakan kaedah tradisional dalam amalan pengajarannya. Oleh itu, analisis keperluan yang dijalankan oleh pengkaji terhadap guru-guru sekitar negeri Johor menyatakan agak sukar untuk mengajar kerana aras pembelajaran telah dinaikan dan kekurangan bahan rujukan untuk murid. Menegaskan hal tersebut, Kajian Tengku (2018) juga mendapati bahawa guru pendidikan khas masih lagi kurang memahami komponen di dalam sukatan pelajaran (DSKP) serta kekurangan bahan rujukan yang menjadi penghalang kepada proses pengajaran di sekolah.

Justeru itu, fenomena yang berlaku di sekolah buat ketika ini perlu diatasi dengan pembangunan instrumen yang bersesuaian agar guru pendidikan khas khususnya mempunyai pengetahuan berkaitan dengan kaedah serta strategi pengajaran yang berkesan untuk MBPK (Eliza & Aziman, 2019). Pembelajaran bagi mata pelajaran pengurusan diri yang bercorakan amali adalah lebih sesuai untuk MBPK di sekolah rendah. Bagi MBPK yang berkefungsian rendah akan menjadi cabaran buat guru-guru pendidikan khas untuk memastikan MBPK boleh menguasai dan mengikuti arahan sewaktu membuat amali jika tiada bahan bantu yang lebih fleksibel untuk digunakan.

Pembangunan instrumen amat penting buat MBPK kerana ianya agak kurang dilakukan di negara kita khususnya di dalam bidang pendidikan khas. Kajian Kama (2019) mendapati penekanan terhadap pembangunan instrumen harus diberikan kepada MBPK di peringkat rendah kerana setiap kemahiran MBPK berbeza-beza mengikut kemampuan serta kebolehan murid tersebut dan ditambah dengan kekurangan bahan rujukan buat MBPK di sekolah. Lantaran itu, guru-guru pendidikan khas harus diberikan latihan dalam perkhidmatan bagi memastikan kefahaman guru-guru dalam menggunakan DSKP Semakan 2017 (Malik, 2020) dan guru pendidikan khas memerlukan sumber serta bahan pengajaran dalam bentuk pembangunan instrumen yang memperincikan setiap kemahiran yang terkandung di dalam DSKP Semakan 2017 sebagai bahan bantu pengajaran dan pembelajaran di sekolah (Azhar, 2021). Menurut mereka, kekurangan bahan bantu belajar dan ketidakfahaman elemen yang terkandung di dalam DSKP Semakan 2017 telah menjadikan punca pengajaran dan pembelajaran di sekolah tidak berkesan.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian yang digunakan dalam kajian ini seperti berikut:

- a) Menentukan amalan pengajaran dan pembelajaran kemahiran pengurusan diri di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).

- b) Mendapatkan cadangan dan pandangan pemegang taruh terhadap komponen pengajaran dan pembelajaran yang diperlukan untuk membangunkan instrumen pengurusan diri.

4.0 PERSOALAN KAJIAN


Kajian ini bertujuan bagi menjawab persoalan kajian seperti berikut:

- a) Apakah amalan pengajaran dan pembelajaran kemahiran pengurusan diri di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)?
- b) Apakah cadangan dan pandangan pemegang taruh terhadap komponen pengajaran dan pembelajaran yang diperlukan untuk membangunkan instrumen pengurusan diri?

5.0 METODOLOGI

5.1 Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif. Dalam mereka bentuk kajian ini, Model Mc Intire & Miller (2007) digunakan sebagai model pembangunan instrumen. Sebelum membangunkan instrumen, pengkaji telah merangka Fasa analisis keperluan iaitu mengambil maklum balas guru pendidikan khas tahun 1 sebagai pemegang taruh dalam menentukan amalan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran pengurusan diri tahun 1. Melalui analisis keperluan tersebut pengkaji akan menilai keperluan pemegang taruh untuk merangka komponen instrumen pengurusan diri yang akan dijadikan sebagai alat untuk mengukur dan menilai tahap kebolehan MBPK tahun 1 dalam mata pelajaran pengurusan diri. Kerangka kajian Fasa Analisis Keperluan ini dikemukakan pada seperti Rajah 1:



Rajah 1. Kerangka konseptual Fasa Analisis Keperluan

5.2 Responden Kajian

Dalam Fasa Analisis Keperluan ini, pemberi maklumat yang terlibat adalah seramai 273 orang responden yang terdiri daripada guru pendidikan khas. Responden yang dipilih juga mestilah mengajar mata pelajaran pengurusan diri tahun 1 yang

melibatkan seluruh negeri Johor serta dipilih secara bertujuan dalam memberi maklumat tentang amalan pengajaran Pengurusan Diri di program PPKI. Lantaran itu, hasil daripada soal selidik tersebut pengkaji akan dapat membuat keputusan berkaitan kekurangan bagi setiap komponen pengajaran dan pembelajaran yang diperlukan untuk membangunkan instrumen pengurusan diri tahun 1. Responden yang menyertai dalam kajian ini juga dipilih berdasarkan pengalaman dan cadangan daripada Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) untuk menjawab soal selidik yang diberikan. Tempoh masa yang diberikan untuk menjawab soal selidik ini empat minggu selepas mendengar taklimat daripada pengkaji.

5.3 Lokasi Kajian

Dalam Fasa Analisis Keperluan kajian ini, pengkaji perlu memohon kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD) dan JPNJ untuk menjalankan kajian ke atas guru-guru pendidikan khas bagi mendapatkan gambaran awal dalam pembangunan instrumen. Selepas itu, pengkaji menghubungi sekolah-sekolah yang terlibat dan memberikan surat makluman untuk menjalankan kajian. Pengkaji juga menetapkan satu tarikh bagi membolehkan guru-guru mengikuti taklimat secara *google meet* atas talian dan penerangan berkaitan pembangunan instrumen yang akan dilakukan oleh pengkaji. Dalam taklimat tersebut pengkaji juga menyatakan bahawa pada fasa pelaksanaan yang dijangka pada hujung tahun akan melibatkan MBPK tahun 1 untuk dijadikan responden kajian dalam menjawab instrumen yang telah siap dibangunkan.

5.4 Instrumen Kajian

Pengkaji menggunakan soal selidik melalui *google form* kepada peserta kajian dalam mengumpulkan data yang diperlukan untuk menentukan keperluan bagi membangunkan instrumen pengurusan diri. Komponen yang terkandung di dalam *google form* tersebut dipecahkan kepada lima bahagian utama dan perincian pada setiap bahagian adalah (i) Kaedah dan strategi pengajaran (ii) Bahan bantu belajar (BBB) (iii) Instrumen saringan MBPK. Lantaran itu, instrumen kajian ini di buat bertujuan untuk memperoleh cadangan dan pandangan pemegang taruh terhadap komponen yang terkandung di dalam DSKP Semakan 2017 dalam membantu MBPK untuk membangunkan Instrumen Pengurusan Diri tahun 1.

Pengkaji juga membuat kajian keperustakaan, bacaan awal daripada kajian lepas dan mencari bahan yang relevan bagi menjawab persoalan dan tujuan sebenar kajian yang ingin dilakukan sebagai proses awal dalam menggunakan dokumen (Othman Lebar, 2014). Analisis bukti dokumen hasil daripada pencarian tersebut, pengkaji menyenaraikan soalan yang ingin ditanya bagi menentukan keaslian dokumen yang dipilih untuk kajian yang dijalankan. Antara bukti dokumen yang digunakan oleh pengkaji adalah DSKP Semakan 2017, Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT), Rekod Rancangan Pengajaran Harian (RPH), buku teks pengurusan diri tahun 1 dan buku latihan pengurusan diri.

5.5 Prosedur Kajian

Pada Fasa Analisis Keperluan, pengkaji juga telah memberikan masa empat minggu kepada guru-guru yang terlibat untuk menjawab soal selidik tersebut sebagai proses pengumpulan data. Kebenaran daripada pihak Guru Besar sekolah yang terlibat juga telah membenarkan kepada pengkaji untuk membuat kajian di luar waktu pengajaran dan pembelajaran. Selepas itu, semua data yang diperoleh akan dianalisis menggunakan SPSS versi 28 untuk melihat konstruk yang diperlukan oleh guru-guru yang mengajar mata pelajaran pengurusan diri dalam membantu MBPK memahami setiap komponen yang terkandung di dalam DSKP. Kesahan dan

kebolehppercayaan data yang diperoleh sepanjang kajian ini juga dibincangkan bersama dengan peserta kajian.

6.0 DAPATAN KAJIAN

6.1 Demografi Soal Selidik Guru PPKI Negeri Johor Dalam Pelaksanaan Kemahiran Pengurusan Diri

Jadual 1 : Demografi Soal Selidik Guru PPKI Negeri Johor

	Kategori	Bilangan	Jumlah
Jenis sekolah	SK	213	273
	SJKC	34	
	SJKC	26	
Daerah	Batu Pahat	25	
	Johor Bharu	25	
	Kluang	25	
	Kota Tinggi	25	
	Kulai	25	
	Mersing	25	
	Muar	24	
	Pasir Gudang	25	
	Pontian	24	
	Segamat	24	
	Tangkak	26	
Kategori Sekolah	Bandar	40	
	Luar Bandar	233	
Jantina	Lelaki	116	
	Perempuan	157	
Umur	> 56 Tahun	5	
	25 - 35 Tahun	81	
	36 - 45 Tahun	128	
	46 - 55 Tahun	59	
Bangsa	Melayu	220	
	Cina	26	
	India	24	
	Lain-lain	3	
Kelayakan Akademik	Ijazah	244	
	Sarjana	29	
Kelayakan Ikhtisas	Pendidikan Khas	267	
	Bukan Pendidikan Khas	6	
Pengalaman Mengajar	< 5 Tahun	28	
	5 - 10 Tahun	121	
	10 - 15 Tahun	90	
	> 15 Tahun	34	
Kehadiran Kursus Kurikulum KSSR Semakan 2017 Tahun 1	1 kali	31	
	2 - 3 Kali	5	
	Tidak Pernah	237	

6.2 Dapatan Soal Selidik Guru PPKI Negeri Johor Dalam Pelaksanaan Kemahiran Pengurusan Diri Bagi MBPK Tahun 1

Berdasarkan Jadual 2 di bawah menunjukkan hasil dapatan kajian soal selidik ke atas guru pendidikan khas yang mengajar tahun 1 di PPKI sekitar negeri Johor. Analisis keperluan bagi pelaksanaan kemahiran pengurusan diri tahun 1 yang mewakili komponen kemahiran sendiri menunjukkan nilai min yang tertinggi iaitu 4.36 yang mewakili kurang setuju 22.3%, setuju 49.6% dan sangat setuju 28.1%. Analisis komponen Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan pula menunjukkan nilai min 4.25 iaitu kurang

setuju 21.3%, setuju 48.6% dan sangat setuju 30.1%. Hasil analisis penggunaan tandas dan bilik mandi pula menunjukkan nilai min 4.20 iaitu kurang setuju 14.6%, setuju 54.6% dan sangat setuju 30.8%. Analisis bagi komponen pengurusan tempat tinggal pula nilai min adalah 4.06 iaitu kurang setuju 20.1%, setuju 54% dan sangat setuju 25.9%. Bagi analisis komponen terakhir iaitu adab dan tatasusila yang mewakili nilai min 4.18 iaitu kurang setuju 19.7%, setuju 45.1% dan sangat setuju 35.2%. Secara rumusnya, pemberatan dalam pembangunan instrumen lebih kepada (i) Kemahiran sendiri, (ii) Kebersihan, kesihatan dan keselamatan, (iii) Penggunaan tandas dan bilik mandi, (iv) Adab dan tatasusila, (v) Pengurusan tempat tinggal. Melalui analisis tersebut ianya akan dijadikan asas dalam penghasilan instrumen saringan pengurusan diri.

Jadual 2. Dapatan Analisis Keperluan Pelaksanaan Kemahiran Pengurusan Diri

Analisis Keperluan Pelaksanaan Kemahiran Pengurusan Diri	STS	TS	KS	S	SS	Min	Sisihan Piawai
Kemahiran sendiri	0	0	22.3% (77)	49.6% (135)	28.1% (61)	4.36	.112
Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan	0	0	21.3% (58)	48.6% (133)	30.1% (82)	4.25	.142
Penggunaan Tandas dan Bilik Mandi	0	0	14.6% (40)	54.6% (149)	30.8% (84)	4.20	.175
Pengurusan Tempat Tinggal	0	0	20.1% (55)	54% (147)	25.9% (71)	4.06	.191
Adab dan Tatasusila	0	0	19.7% (96)	45.1% (123)	35.2% (54)	4.18	.189

(N=273 Orang)

Petunjuk:

Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Kurang Setuju (KS), Setuju (S), dan Sangat Setuju (SS)

Hasil daripada dapatan kajian Fasa Analisis Keperluan, pengkaji mendapati kebanyakan guru PPKI masih lagi mengamalkan kaedah pengajaran secara tradisional atau konvensional. Kaedah yang digunakan ini akan membosankan dan proses pengajaran tidak dapat menarik minat MBPK untuk lebih memahami isi pelajaran yang diajar oleh guru-guru tersebut. Hal ini berlarutan kerana guru pendidikan khas tidak diberikan panduan pengajaran secara khusus apabila Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat pembaharuan ke atas kurikulum semakan 2017 (Amirul, 2021) dan mengakibatkan kegagalan guru dalam merancang serta melaksanakan pengajaran yang lebih baik serta fleksibel. Selain itu, pengkaji juga mendapati guru-guru agak kurang menggunakan bahan bantu mengajar yang lebih berpusatkan MBPK dan tidak melaksanakan amali yang sewajarnya (Nafisah, 2022). Melalui dapatan kajian soal selidik tersebut juga faktor bahan bantu mengajar yang biasa digunakan oleh guru tidak berkesan dan gagal untuk menarik minat MBPK untuk mempelajari mata pelajaran pengurusan diri.

Aspek penilaian pengajaran juga mendapati guru-guru PPKI agak kurang menggunakan pentaksiran yang lebih bersifat autentik dalam menguji tahap pengetahuan sedia ada MBPK. Kebiasaannya, dalam pelaksanaan penilaian formatif terhadap MBPK amat jarang dilakukan di sekolah malahan instrumen penilaian dan kekerapan menilai juga berbeza-beza dalam kalangan guru pendidikan khas. Selain itu, penilaian yang lazim di buat oleh guru pendidikan khas melalui pemerhatian dan senarai semak yang dibekalkan oleh KPM ke atas MBPK di program PPKI.

Penggantian kaedah penilaian MBPK kepada instrumen yang mengandungi komponen yang terdapat di dalam DSKP Semakan 2017 Tahun 1 dianggap sebagai satu proses pengajaran yang menarik serta dapat memudahkan guru-guru PPKI melaksanakan pengajaran di sekolah. Melalui soal selidik guru pendidikan khas elemen yang perlu dimasukkan mestilah menggunakan kaedah pembelajaran secara

visual atau gambar dan langkah-langkah dalam pengurusan diri yang mudah untuk difahami oleh MBPK. Selain itu, pembahagian komponen di dalam instrumen juga elemen kemahiran sendiri perlu dimasukkan dengan lebih banyak dan senarai semak pemerhatian perlu diadakan akhir komponen tersebut sebagai penilaian formatif yang boleh di buat oleh guru pendidikan khas terhadap MBPK. Bimbingan atau latihan yang lebih praktikal perlu diberikan buat guru-guru dalam memastikan kebolehgunaan instrumen dalam mata pelajaran pengurusan diri. Dapatan kajian juga mendapati bahawa kebanyakan MBPK lebih tertarik kepada pembelajaran yang melibatkan gambar dan dalam masa yang sama guru-guru boleh meminta murid meniru perlakuan seperti di dalam instrumen tersebut.

Dari aspek sokongan sementara pula, dapatan kajian mendapati bahawa majoriti guru menyokong idea sokongan sementara dalam pengajaran dan pembelajaran pengurusan diri kerana mampu mencetuskan kemahiran berfikir MBPK untuk membuat sesuatu kemahiran yang diajar oleh guru. Selain itu, sokongan sementara yang bersesuaian dapat meningkatkan kebolehan MBPK untuk memahami langkah-langkah yang perlu dilakukan pada setiap kemahiran yang diajar. Pembelajaran koperatif dalam proses sokongan sementara juga dapat membantu MBPK lebih memahami tujuan sebenar pembelajaran pengurusan diri.

7.0 PERBINCANGAN

7.1 Perbincangan Hasil Dapatan Kajian Dalam Fasa Analisis Keperluan

Dapatan kajian analisis keperluan mendapati bahawa aktiviti pembelajaran secara tradisional tidak dapat menarik minat MBPK untuk mengikuti proses pembelajaran dan amat sukar untuk memahami satu-satu isi pelajaran yang dipelajari olehnya. Berdasarkan dapatan kajian Marzuki (2017), juga menyatakan bahawa MBPK lebih menyukai kaedah pembelajaran menggunakan Modul dan secara bertema berpandukan gambar-gambar yang menarik serta pembelajaran secara digital. Proses pembelajaran secara tradisional tersebut dipercayai boleh menyebabkan runtuhnya minat MBPK untuk mempelajari sesuatu isi pelajaran pada hari tersebut. Hal ini juga bertepatan dengan dapatan kajian Hill-Clarke dan Robinson (2004) yang mendapati bahawa pengajaran yang lebih fleksibel dan menarik dengan aktiviti-aktiviti yang berpusatkan murid akan dapat membantu murid-murid di dalam pembelajarannya. Dapatan kajian ini juga dikukuhkan lagi dengan dapatan Maziah et al (2014) bahawa amalan pengajaran yang hanya mengikut urutan dan tanpa nilai keseronokan adalah membosankan MBPK.

Penilaian semula pengajaran juga amat penting dalam membantu kaedah pengajaran guru kepada lebih bersistematik dan menjurus kepada keberhasilan MBPK. Hal ini juga dapat menggantikan kaedah pengajaran yang kebiasaannya diamalkan di sekolah serta membantu meningkatkan pedagogi guru-guru pendidikan khas dalam pengajarannya. Melalui cadangan dalam kajian Wagner (2016) analisis keperluan untuk membangunkan sesuatu instrumen yang baik perlu bermula daripada asas kepada yang lebih konkrit untuk murid-murid memahami isi pelajarannya. Analisis keperluan melalui soal selidik juga, pengkaji mendapati bahawa guru pendidikan khas mengharapkan lebih banyak bahan bantu mengajar MBPK terutamanya dalam mata pelajaran pengurusan diri dan ianya lebih menjurus kepada DSKP Semakan 2017 kerana bahan untuk mengajar MBPK amat kurang kerana isi pelajarannya begitu tinggi dan sukar untuk mengajar MBPK memahami sesuatu komponen tersebut. Menegaskan hal itu, Zamzurina (2018) berpendapat bahawa guru harus diberi latihan dalam perkhidmatan bagi memastikan penyampaian pengajaran dan pembelajaran selaras dengan kurikulum terkini iaitu kurikulum semakan 2017 agar proses penyampaian pengajaran lebih berkesan.

Dapatan ini juga bersesuaian dengan dapatan Rosmanizam (2019) bahawa guru pendidikan khas masih kekurangan bahan rujukan yang merupakan punca halangan untuk menjadi lebih mahir. Selain itu, fenomena kekurangan kepakaran dan sumber maklumat dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah sejajar dengan dapatan kajian oleh Mahzan dan Afnan (2020) yang mendapati guru pendidikan khas memerlukan sumber dan bahan pengajaran dalam bentuk instrumen yang memperincikan cara pengajaran dan pembelajaran sesuatu kemahiran dengan lebih berkesan dan mudah untuk difahami oleh murid.

Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa majoriti guru pendidikan khas masih lagi kekurangan kemahiran untuk mengajar mata pelajaran yang melibatkan kemahiran dan amali dalam pengurusan diri. Guru pendidikan khas juga sedar bahawa proses pengajaran dan pembelajaran pengurusan diri sesuai dipraktikkan secara sistematik dengan penyusunan langkah-langkah yang mudah serta dibantu oleh gambar-gambar yang menarik minat MBPK untuk mengikut mata pelajaran tersebut. Hal ini adalah seperti kajian Norliza (2018) yang menyatakan bahawa untuk mengajar mata pelajaran yang melibatkan kemahiran perlu bermula daripada asas dan haruslah mempunyai ansur maju yang bertepatan dengan kemampuan murid untuk mengikutinya. Dapatan ini juga bertepatan dengan Samsul (2020) iaitu guru seharusnya mempunyai kemahiran dalam mengajar mata pelajaran yang melibatkan amali agar dapat mengaplikasikannya dalam pengajaran. Ini juga sejajar dengan tanggapan Khalid (2021) bahawa pengajaran yang melibatkan kemahiran haruslah mengambil kira kekuatan yang ada pada murid sebelum melaksanakan proses pengajaran pada hari tersebut.

Seterusnya, hasil daripada perbincangan dapatan kajian fasa keperluan yang dijalankan pengkaji dapat menyimpulkan bahawa komponen pengajaran dan pembelajaran yang lebih fleksibel amat diperlukan dalam membantu MBPK untuk menguasai kemahiran yang diajar. Kaedah dan strategi pengajaran seperti bahan bantu mengajar yang menarik serta fleksibel dinyatakan oleh pemegang taruh sebagai salah satu perkara wajib untuk menimbulkan minat MBPK dalam menguasai mata pelajaran pengurusan diri. Dapatan kajian fasa ini juga menunjukkan bahawa MBPK mudah tertarik dengan bahan bantu mengajar yang bercetak dan berwarna-warni seperti yang dinyatakan oleh Strickland et. al (2010).

8.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, dalam mendapatkan pandangan daripada pemegang taruh kajian yang dijalankan pengkaji dapat menyimpulkan bahawa amat perlu untuk dilaksanakan instrumen pengurusan diri sebagai bahan untuk menilai semula proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan DSKP Semakan 2017 tahun 1. Hasil dapatan yang diperoleh dalam fasa ini akan dapat menentukan konstruk dalam pembangunan instrumen pengurusan diri MBPK tahun 1.

9.0 RUJUKAN

- Amirul Azri (2021). Pendidikan bagi Komuniti Orang Kurang Upaya. *Issues in Education*, Volume 25, Universiti Malaya.
- Azhar Wahab (2021). Pengetahuan, sikap dan kemahiran guru serta ibu bapa tentang pendidikan murid bermasalah pembelajaran di Selangor. Disertasi Ijazah sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

- Eliza dan Aziman (2019). Pendidikan untuk anak pendidikan khas menurut Islam. Edisi 9, Jilid 2 (Terjemahan Syed Ahmad Semait). Pustaka Nasional Pte. Ltd.: Singapura.
- Fitri Ismail (2014). Analisis Keperluan Kurikulum Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (LD) di Malaysia. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hill-Clarke, K. Y., & Robinson, N. R. (2004). It's easy as a-b-c and do-re-mi: Music, rhythm and rhyme enhance children's literacy skills. *Young Children*, 59(5), 91-95.
- Kama Shafeeii (2019). Pendidikan Inklusif: suatu perspektif sosial. Penerbit Universiti Perguruan Sultan Idris. Tanjung Malim, Perak.
- Kurikulum Standard Sekolah Rendah. (2015). Dokumen Standard Pembelajaran dan Pentaksiran. Kementerian Pendidikan Malaysia: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Mahfuzah Zainol (2016). Kemahiran menguruskan diri murid berkeperluan khas . Wilayah Persekutuan Putrajaya Malaysia: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Mahfuzah Zainol (2016). 100 aktiviti school readiness untuk murid berkeperluan khas . Wilayah Persekutuan Putrajaya Malaysia: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Mahzan (2016). Pengaruh kompetensi kemahiran guru dengan kurikulum semakan terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. *JuKu : Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasific*, 3 (2).
- Mahzan dan Afnan (2020). Kajian keberkesanan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pendidikan seni visual KBSR. Kajian keberkesanan pelaksanaan pengajaran & pembelajaran pendidikan seni visual KBSR, (C).
- Malik Miskun (2020). Pendidikan murid bermasalah pembelajaran di sekolah menengah: Cabaran dan kepentingan. *Jurnal Bitara Pendidikan UPSI* , 6.
- Marzuki (2017). Kepelbagaian kaedah penyolaan lisan dalam pengajaran guru bahasa Melayu: Kaedah pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 21-38.
- Maziah, Ibrahim & Zulaika (2014). Penggubalan kurikulum baharu sekolah rendah: Peranan buku teks dan masa pembelajaran. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 1(2), 32-44.
- Nafisah Mat Hussien (2022). Aspirasi ibu bapa, guru dan Para professional Terhadap Perkembangan Kanak-kanak Keperluan Khas: 523-544. Seminar Kebangsaan Pendidikan Khas. Fakulti Pendidikan UKM: Bangi.
- Norliza (2018). Developing critical thinking skills and mathematical problem solving ability in grade six students. (Unpublished Master thesis) Nipissing University, North Bay, Ontario, Canada.
- Osman & Sarbini (2010). Ke arah peningkatan pengajaran dan pembelajaran pengurusan kehidupan dalam pendidikan khas masalah pembelajaran. *Jurnal Masalah Pendidikan*, 15(2), 30-41.
- Ramlan (2014). Kekangan pelaksanaan mata pelajaran vokasional di sekolah menengah negeri Johor. *Jurnal Sains Sosial*, 3(5), 212-223.
- Rosmanizam (2019). Tahap kesediaan dan kemahiran amali guru-guru PKPG sekolah rendah mengajar kemahiran hidup di sekolah menengah. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Pendidikan.
- Ruslan (2009). Teacher perceptions of critical thinking among students and its influence on higher education. *International Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 21(3), 201-212.
- Samsul (2020). Pentaksiran pembelajaran. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Strickland, M., & Abbott, L. (2010). Enhancing the early reading experience: Books, strategies, and concepts. *The Reading Teacher*, 64(1), 66-68.

- Tengku Fauziah Razak (2018). Tingkah laku murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran. *Proceedings First Annual Inclusive Education Practices Conferences: Isu-isu Pendidikan Khusus di Indonesia dan Malaysia* Praktik terbaik dalam pendidikan untuk semua.
- Wagner (2016). Developing early literacy skills: A meta-analysis of alphabet learning and instruction. *International Reading Association*, 60(3), 23-41.
- Zamzurina (2018). Persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi multimedia dalam pengajaran pengurusan kehidupan. *Journal of Special Education*, 3(1), 56-66.